



POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT

WHISTLEBLOWING POLICY



UNIT INTEGRITI
JABATAN BIOKESELAMATAN

APAKAH ITU PENDEDAHAN MAKLUMAT?



Secara umumnya, pendedahan maklumat adalah satu pernyataan atau pelaporan yang dilakukan oleh seseorang secara sukarela, mengenai kelakuan tidak wajar, salah urus, rasuah, melanggar undang-undang atau kesalahan yang mungkin dilakukan, sedang dilakukan atau telah dilakukan oleh seseorang individu, sekumpulan individu atau organisasi.

APAKAH POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT JBK?



Polisi Pendedahan Maklumat JBK adalah satu kaedah di mana pendedahan dibuat oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan oleh warga Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan anggota Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK) serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya

PERLINDUNGAN BAGI PEMBERI MAKLUMAT?

Jabatan Biokeselamatan komited untuk memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Pemberi maklumat akan diberikan perlindungan seperti berikut:

- i) Perlindungan dari tindakbalas
- ii) Pemeliharaan kerahsiaan
- iii) Pembuktian tiada prejudis
- iv) Penepian liabiliti
- v) Pemeliharaan hak
- vi) Tanpa nama (Anonymity)
- vii) Perlindungan peribadi



CARA PENDEDAHAN MAKLUMAT?

Pendedahan maklumat boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut, dengan syarat bahawa pendedahan maklumat sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis:



ORANG YANG DIADU	ADUAN KEPADA	ALAMAT E-MEL	KAEDAH LAIN
Kakitangan JBK	Unit Integriti JBK	faridah@biosafety.gov.my	<p>Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "Surat hanya boleh dibuka oleh Unit Integriti JBK" dan dialamatkan ke alamat berikut:</p> <p>Unit Integriti JBK Jabatan Biokeselamatan Aras 4, Blok F11, Kompleks F, Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62000 Putrajaya</p>

ORANG YANG DIADU	ADUAN KEPADA	ALAMAT E-MEL	KAEDAH LAIN
Pegawai Unit Integriti	Ketua Pengarah JBK	azalia@biosafety.gov.my	<p>Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "Surat hanya boleh dibuka oleh Ketua Pengarah JBK" dan dialamatkan ke alamat berikut:</p> <p>Ketua Pengarah JBK Jabatan Biokeselamatan Aras 4, Blok F11, Kompleks F, Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62000 Putrajaya</p>

ORANG YANG DIADU	ADUAN KEPADA	ALAMAT E-MEL	KAEDAH LAIN
Ketua Pengarah JBK	Jawatankuasa Memberi Maklumat melalui Ketua Unit Integriti JBK	dob@biosafety.gov.my	<p>Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "Surat hanya boleh dibuka oleh Ketua Unit Integriti" dan dialamatkan ke alamat berikut:</p> <p>Ketua Unit Integriti Jabatan Biokeselamatan Aras 4, Blok F11, Kompleks F, Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62000 Putrajaya</p>